

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)15**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU  
YB PHEE SYN TZE**

15. Berapakah jumlah dan panjang keseluruhan paip gas bawah tanah yang dibina oleh Petronas di Pulau Pinang?
- (a) Adakah saluran paip gas bawah tanah ini telah mendapat kebenaran izin lalu daripada Kerajaan Negeri?
  - (b) Jika ya, berapakah jumlah cukai tanah yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun sejak pembinaannya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Laluan saluran paip gas utama *Peninsular Gas Utilization* (PGU) yang dimiliki oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan dioperasikan oleh PETRONAS Gas Berhad (PGB) di Malaysia bermula dari Kerteh, Terengganu hingga ke Segamat, Johor melalui Kuantan, Pahang. Di Segamat, Johor saluran paip gas utama PGU ini akan terbahagi kepada dua laluan iaitu satu laluan ke arah Selatan Semenanjung menuju ke Pasir Gudang, Johor dan satu

laluan ke arah Utara Semenanjung melalui Kapar, Selangor menuju ke Kedah.

Panjang saluran paip gas utama PGU di Pulau Pinang (dari Selatan ke Utara) adalah kira-kira 42.0km (kilometer) melalui kawasan dari sempadan Sungai Kerian, Parit Buntar - Relau - Machang Bubuk - Mengkuang - Ara Kuda - Kampung Selamat - Pinang Tunggal sebelum melintasi Sungai Muda untuk jajaran ke Kedah.

Manakala, jajaran sisi yang berhubung dengan paip gas utama PGU adalah sepanjang 23.0km yang membekalkan gas asli kepada Stesen Janakuasa Prai SKS (SKS Prai Power Plant), Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) Prai dan seterusnya ke Stesen Janakuasa TNB Gelugor.

- (a) Permohonan untuk penyediaan utiliti khususnya paip gas bawah tanah adalah melalui dua kaedah iaitu pemberimilikan dan kebenaran izin lalu. Bagi permohonan pemberimilikan, hak milik akan diberikan berdasarkan permohonan dan didaftarkan atas nama pemohon setelah mendapat kelulusan. Kerajaan Negeri akan mengenakan cukai tanah ke atas hak milik tersebut.

Bagi kebenaran izin lalu pula, Kerajaan Negeri tidak mengenakan cukai tanah dan akan mengenakan bayaran mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021. Berkaitan itu, PETRONAS mempunyai satu kelulusan izin lalu di Daerah Seberang Perai Utara sepanjang 11.0km yang telah diberikan pada 24 Mac 2025.

- (b) PETRONAS mempunyai 91 lot hak milik dengan syarat nyata 'Bagi Kegunaan Paip Gas Semenanjung' di Pulau Pinang. Jumlah kutipan cukai tanah bagi lot-lot yang dimiliki oleh PETRONAS ini adalah sebanyak RM325,027.00 setahun. Bagi kelulusan izin lalu di Daerah Seberang Perai Utara pula, bayaran khas yang dikenakan adalah sebanyak RM10,000.00 setahun.